

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN
DR. MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status terkini peperiksaan utama negara akibat daripada peningkatan kes COVID-19 yang melanda negara:-

- (a) bagaimana persediaan sekolah-sekolah untuk para calon memandangkan penangguhan pembukaan sekolah hingga Oktober depan; dan
- (b) berapa kes COVID-19 yang melibatkan pelajar sekolah rendah dan menengah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited melakukan yang terbaik demi generasi masa depan negara. Walaupun berhadapan dengan situasi pandemik COVID-19 yang sangat mencabar, peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) kendalian Lembaga Peperiksaan (LP) serta peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) kendalian Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) untuk tahun 2021 akan tetap dilaksanakan.

SOALAN NO : 23

Peperiksaan bertulis SPM dan STAM 2021 akan dilaksanakan pada bulan Mac 2022. Manakala, peperiksaan Semester 2 STPM 2021 akan dilaksanakan pada 25 hingga 28 Oktober 2021.

Pengurusan pengendalian peperiksaan SPM, STAM dan STPM 2021 adalah berpandukan kepada Garis Panduan Pengurusan Pentaksiran Pusat dan Peperiksaan Awam yang terkandung dalam Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 dikeluarkan oleh KPM. Garis panduan ini merupakan rujukan kepada pegawai bahagian di KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD), pentadbir serta guru di sekolah, ibu bapa dan pihak yang terlibat tentang pengoperasian sekolah termasuk pengurusan pengendalian peperiksaan awam.

KPM menyedari bahawa sesi persekolahan secara bersemuka untuk tahun 2020 dan tahun 2021 tidak dapat dilaksanakan seperti mana kebiasaan. Justeru, KPM telah membuat ketetapan untuk melanjutkan sesi persekolahan tahun 2021 sehingga bulan Februari 2022. Pelanjutan sesi persekolahan ini membolehkan guru dan pihak sekolah merancang serta melaksanakan intervensi, pengukuhan dan pengayaan secara intensif, termasuklah kepada calon SPM dan STAM 2021. Pelanjutan ini juga, akan memberi peluang kepada calon SPM dan STAM 2021 untuk membuat persediaan rapi bagi menghadapi peperiksaan.

KPM juga telah mengumumkan bahawa sekolah akan dibuka untuk pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka mulai 3 Oktober 2021 bagi negeri kumpulan A dan 4 Oktober 2021 bagi negeri kumpulan B. Pembukaan sekolah akan dibuat secara berperingkat mengikut fasa dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) dengan memberi keutamaan kepada murid kelas peperiksaan.

Murid Semester 2 STPM 2021 yang bakal menduduki peperiksaan pada 25 hingga 28 Oktober 2021 boleh mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka mulai 3 Oktober 2021. Ini memberi peluang kepada guru untuk memberi bimbingan secara intensif kepada calon sebelum mereka menduduki peperiksaan.

Bagi membantu calon peperiksaan SPM dan STAM 2021 membuat persediaan menghadapi peperiksaan, KPM menyediakan siaran TV Pendidikan melalui saluran DidikTV KPM, TV Okey RTM dan Tutor TV Astro. Rancangan seperti *Road to Success* dan SUKSES SPM 2021 dapat membantu mereka menguasai kandungan kurikulum sebelum menduduki peperiksaan.

KPM turut menambah lebih banyak bahan PdP melalui pelantar *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMA). Rancangan yang berfokus kepada persediaan calon menghadapi peperiksaan SPM akan terus ditingkatkan terutama penerangan mengenai format pentaksiran peperiksaan SPM mulai tahun 2021 dan ujian amali sains.

Bagi calon yang tidak mempunyai akses internet atau peranti yang sesuai, guru mengambil inisiatif untuk menyediakan modul pembelajaran dan membuat serahan bahan tersebut kepada calon. KPM yakin bahawa usaha-usaha ini akan dapat memastikan calon peperiksaan SPM, STAM dan STPM 2021 mempunyai ruang dan peluang untuk membuat persiapan rapi sebelum menduduki peperiksaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkenaan dengan kes COVID-19 yang melibatkan murid sekolah, jumlah kumulatif kes COVID-19 semasa sesi persekolahan yang berlangsung dari 20 Januari hingga 7 Mei 2021 adalah sebanyak 8,269. Daripada jumlah ini, sebanyak 4,086 kes melibatkan murid sekolah rendah dan 4,173 kes melibatkan murid sekolah menengah. Dalam hal ini, KPM sentiasa membuat perancangan teliti bagi memastikan pengoperasian sekolah secara bersemuka berjalan dengan teratur dan selamat.